

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**D**IRAF'A'KAN kesyukuran kepada Allah SWT ramadhan menggamit lagi. Bulan yang penuh keberkatan dan pelbagai keistimewaan antaranya rahmat, *maghfirah* (keampunan) dan gandaan pahala.

Oleh kerana masa begitu pantas berlalu dan kita sentiasa terkejar-kejar dengan masa, di samping banyak membazirnya maka di sini suka diterangkan berkenaan dengan masa mengikut neraca Islam.

Daripada Ibn Abbas r.a berkata bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *Dua nikmat yang kebanyakan manusia rugi (kecewa) alam menerima keduanya iaitu nikmat sihat dan waktu lapang.*

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari 6412, Imam Ahmad dalam musnadnya 1/344, al-Tirmizi dalam al-Zuhud 2304, Ibn Majah dalam *a-Zuhd* 4170 dan al-Baihaqi dalam *al-Sunan* 3/370.

Sheikh Abdullah Ba'lawi berkata: Saudara-saudaraku sesama Muslim sekalian, jagalah baik-baik dan berhati-hatilah dengan waktu yang kamu miliki kerana ia sangat terbatas, tidak boleh dimajukan atau ditangguh walau sesaat pun, detik demi detik, minit demi minit, saat demi saat, hari demi hari dan seterusnya tempoh yang kita hidup di dalamnya adalah tempoh yang sangat singkat berbanding kehidupan di akhirat nanti.


Setiap hembusan dan tarikan nafas, setiap denyut nadi dan degup jantung, seluruhnya itu mustahil berlaku tanpa izin Allah SWT. Bahkan pada hembusan nafas anda yang terakhir, pada denyut nadi yang terakhir dan pada degup jantung anda yang terakhir hendaklah anda gunakan waktu itu untuk berbakti kepada Allah SWT, sama ada ketika jaga ataupun tidur.

Gunakanlah untuk sesuatu yang berfaedah dan jangan biarkan berlalu seminit pun dengan sia-sia. Jikalau anda keliru menggunakannya maka di kemudian hari anda pasti merasa penyesalan anda nanti. Inilah yang wajib anda perhatikan mulai sekarang.

Setelah meninggalkan dunia fana ini, barulah anda mengetahui betapa ruginya mensia-siakan waktu sekalipun hanya seminit sahaja. Anda semua pasti akan mengalaminya sendiri nanti dan pasti pula anda akan meyakini serta membenarkan apa yang saya katakan ini.

Sheikh Abd'ullah Ba'lawi menambah: Akan diperhatikan kepada setiap manusia di akhirat nanti semua hari dan malamnya dalam bentuk almari. Setiap hari dan malam terdapat dua puluh empat almari sesuai dengan jumlah hitungan hari dan malam itu.

Manusia itu akan melihat sendiri setiap jam yang digunakan untuk mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT, nampaklah almari itu penuh cahaya, sedang setiap jam yang digunakan untuk bermaksiat kepada



UMAT Islam disaran memanfaatkan masa senggang pada bulan Ramadan dengan memperbanyakkan amalan termasuk membaca al-Quran.

- Gambar hiasan

Allah SWT nampaklah almari itu dalam keadaan gelap gelita.

Seterusnya jikalau ia mendapati almarnya sendiri itu berisi kegelapan yang hitam pekat, maka sekiranya ia dibenarkan memilih untuk mati. Nescaya ia akan rela mati serta merta ketika melihatnya. Namun tiada kematian lagi di alam akhirat.

Justeru, seseorang yang selalu mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT, sudah tentu amat gembira dan ingin sekali menjadi manusia gembira, malahan terus bertambah kegembiraan dan sukacitanya itu sepanjang masa (atau lebih gembira lagi sekiranya dapat menambahkan amal solehnya).

Sebaliknya manusia yang sentiasa berbuat maksiat kepada Allah SWT, maka itulah manusia yang benar-benar berdukaita serta merasa takut, malahan kesedihan dan dukacitanya itu makin bertambah, tanpa ada penghabisannya sama sekali.

Katanya lagi: Saudaraku sesama muslim yang tercinta, kini tinggal bagaimana kamu memilih salah satu daripada dua hal. Mudah-mudahan Allah SWT sentiasa memberi anugerah dan rahmat-Nya kepadamu.

Adakanlah pilihan untuk anda sendiri selagi anda masih berada di alam yang di dalamnya masih diberi kebebasan untuk memilih. Saya hanya menganjurkan yang baik-baik sahaja, pilihan anda

jangan sampai keliru dan tersesat.

Pilihan yang baik dalam mengamalkan segala sesuatu yang dapat mendatangkan manfaat, sebab hanya inilah yang akan meninggalkan darjat selagi masih hidup di dunia atau setelah di akhirat nanti. Anda mesti selalu ingat bahawa waktu yang sudah anda lalui itu tidak akan kembali lagi.

Ini kerana jika sudah berlalu tidak mungkin kembali maka pilihan untuk mengerjakan kebaikan atau keburukan pun sudah tidak ada lagi, yang sudah berjalan dan berupa kebaikan tetap menjadi amal yang soleh bagi anda, sedang yang buruk tetap menjadi buruk dan tidak boleh dilenyapkan kecuali dengan bertaubat.

Oleh itu bersegeralah, jangan merangguh-nangguh melakukan perbuatan yang diredai Allah SWT kerana ia suatu keburukan tersendiri. Padahal kita semua tahu manusia itu terlalu terganggu oleh bermacam-macam keadaan berbahaya serta banyaknya pekerjaan yang mesti segera diselesaikan hingga kesempatan yang semestinya boleh digunakan untuk beramal soleh, akhirnya hilang sia-sia tanpa ada manfaat sedikitpun.

Marilah sama-sama kita mengambill semangat Rama dan dengan melakukan ibadat sama ada yang wajib mahupun yang sunat. Semoga dengan amalan tersebut melayakkan kita mendapat ketaqwaan. Amin.

## Fiqh Puasa

### Perkara yang batalkan puasa

#### Soalan 1:

APAKAH larangan dan tegahan yang mesti dipatuhi ketika umat Islam berpuasa.

#### Jawapan:

- Minum dengan sengaja.
- Makan dengan sengaja.
- Muntah dengan sengaja.
- Memasukkan sesuatu ke dalam rongga perut.
- Berjimak.
- Mengeluarkan air mani dengan sengaja (istimna').
- Keluar darah haid.
- Keluar darah nifas.
- Gila.
- Murtad.

#### Soalan 2:

Oleh kerana hari pertama Ramadan (puasa) entah macam mana secara tidak sengaja saya telah makan tengah hari. Habis sepinggan baru sedar hari itu mula berpuasa, adakah batal puasa saya itu?

#### Jawapan:

Makan dengan sengaja membatalkan puasa. Walaupun makanan itu sedikit, puasa tetap batal. Jika tidak sengaja seumpama terlupa, maka ia dimaafkan.

Puasa hendaklah diteruskan. Makanan tersebut adalah pencuma. Begitu juga jika minum dengan sengaja. Sabda Nabi Muhammad SAW bermaksud: "Sesiapa yang terlupa bahawa dia berpuasa lalu makan atau minum, maka sempurnakanlah puasanya. Sesungguhnya Allah telah memberi dia makan dan minum".

Puasa juga batal jika nyata silap seseorang dengan makan pada akhir malam sedangkan waktu Subuh sudah masuk.

Contohnya, dia sudah mendengar azan Subuh berkumandang atau dia sudah tahu jam berapa waktu subuh masuk, tetapi dia terus makan lagi. Tetapi kalau tidak sengaja atau tersilap, maka puasa tidak batal.

Begitu juga puasa akan batal jika menelan saki baki makanan yang melekat pada celah gigi dengan sengaja. Seelok-eloknya selepas bersahur gosoklah gigi.

- Dipetik daripada buku Soal-Jawab remeh-temeh tentang Puasa Tapi Anda Malu Bertanya... terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.